

Budaya bercerita bentuk baru

Teknologi boleh bantu kesinambungan tradisi lisan lambang jati diri

DULU



SEKARANG



Sastera Sastera Sastera Sastera
Warna Kehidupan

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@NSTP.com.my

BUDAYA bercerita yang menjadi sebahagian kehidupan masyarakat Melayu sebenarnya meninggalkan kesan besar kepada pembentukan jati diri dan jiwa setiap generasi kerana ia menjadi alat untuk menyampaikan pengajaran, peringatan dan nasihat dalam bentuk pendidikan secara tidak formal.

Bagaimanapun, proses urbanisasi dan penghijrahan sebahagian besar masyarakat Melayu ke bandar serta kemajuan teknologi menyebabkan budaya bercerita semakin ditinggalkan, selain generasi muda mula melihatnya sebagai tidak lebih daripada kisah dongeng.

Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohamed Anwar Omar Din, berkata budaya bercerita selalunya berlaku selepas makan malam dengan nenek atau datuk berkisah mengenai cerita binatang, hantu dan asal usul tempat bercahayakan pelita, sekali gus mewujudkan suasana keluarga yang kental.

“Di luar sedar, amalan bercerita sebenarnya boleh

melahirkan sentuhan kasih sayang apabila kanak-kanak yang ketakutan mendengar cerita hantu menghilangkan rasa takut mereka dengan duduk rapat atau di atas ribaan nenek mahupun datuk mereka.

“Bagaimanapun, budaya yang masih dapat diamalkan di kampung sekitar 1970-an ini, berkurangan apabila setiap keluarga mula mempunyai televisyen, sekali gus mengambil alih peranan tukang cerita daripada orang tua,” katanya kepada *Sastera* di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, baru-baru ini.

Budaya bercerita dikatakan turut pupus disebabkan situasi ibu bapa yang sibuk dengan usaha mencari rezeki sehingga tiada masa melayan anak dan kalau

pun budaya itu masih ada, ia biasanya berlaku apabila mereka pulang bercuti ke kampung.

Baginya cerita dalam bentuk visual yang ada kini tidak mempunyai nilai sentuhan kasih sayang berbanding budaya bercerita cara lama yang turut menimbulkan rasa hormat kepada ibu bapa dan orang tua, sekali gus mewujudkan penghayatan mendalam.

“Apa yang saya bimbangkan, amalan bercerita berpindah kepada pembantu rumah. Ini akan menyebabkan anak terdedah kepada cerita yang tidak berakar dengan budaya kita, sebaliknya cerita rakyat Jawa bersumberkan Hindu dan Buddha. Sekiranya ini berlaku, tentunya tidak sesuai dengan kita,” ujarnya.

Pandangan Dr Mohamed Anwar dipersetujui oleh Kurator Lembaga Muzium Selangor, Mohd Lotfi Nazar, apabila beliau menyokong bahawa budaya bercerita bukan saja diganti dengan hiburan di televisyen, malah kanak-kanak dan remaja terutama daripada keluarga berkemampuan memilih permainan seperti PlayStation sebagai tempat bercerita.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Normahdiah Sheik Said,

“Cerita hantu bukan sekadar menakutkan anak, sebaliknya ada maksud tersembunyi, iaitu mengelakkan anak merayau pada waktu malam”

Mohd Lotfi Nazar
Kurator Lembaga Muzium Selangor

“Saya yakin budaya bercerita akan kembali ke dalam masyarakat apabila kita berasa jati diri sudah hilang seperti apa yang berlaku di negara maju apabila mereka juga kembali kepada cerita rakyat”

Dr Mohamed Anwar Omar Din
Pensyarah UKM

berkata budaya bercerita masih perlu dipertahankan, tetapi generasi muda dapat ditarik ke arah ini sekiranya teknologi digital dimanfaatkan.

“Meskipun kaedah penyampaian berubah, ia dapat memastikan kesinambungan budaya bercerita berkenaan oleh generasi muda. Sebenarnya generasi muda juga gemar bercerita tetapi dengan memanfaatkan teknologi maklumat seperti blog, Friendster dan YouTube serta bercerita dengan rakan sebaya. Ibu bapa perlu sedar dan memerhatikan trend terkini itu,” jelasnya.

Baginya hal terbitan bukan saja gagal disedari ibu bapa, bahkan pendidikan di sekolah turut tidak

“Kajian saya mendapat imaginasi remaja luas untuk memastikan kesinambungan budaya bercerita, tetapi dalam bentuk animasi tiga dimensi, simulasi, hologram dan robotik”

Dr Normahdiah Sheik Said
Pensyarah UPM

menitikberatkanannya.

Kajianya mendedahkan budaya bercerita tidak hanya berpandukan buku, sebaliknya perlu membabitkan teknologi digital untuk membolehkan pendengar ikut sama dalam penceritaan, sekali gus menimbulkan rasa asyik.

“Negara maju seperti United Kingdom memberi tumpuan kepada penerapan budaya bercerita kerana mendapat sesetengah pengurus di syarikat korporat tidak berupaya menceritakan kelebihan syarikat mereka kerana tidak mnguasai kemahiran itu manakala Poland menjalankan kemenyanaran ibu bapa bercerita kepada anak-anak sebelum tidur,” ujarnya.